

23 NOV 1998

DEWAN PAHANG BANTAH CAMPUR TANGAN AL GORE

KUANTAN, 23 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Pahang yang bersidang di sini hari ini meluluskan sebulat suara usul khas bagi membantah sekeras-kerasnya tindakan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang mencampuri hal ehwal negara ini melalui ucapannya di Kuala Lumpur 17 Nov lepas.

Selain itu, anggota-anggota dewan juga sebulat suara menyatakan sokongan dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semasa membawakan usul berkenaan, Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jengka, Datuk Zainal Hassan berkata ucapan Gore yang dibuat dalam jamuan rasmi negara bagi meraikan Ketua-ketua Negara Anggota-anggota APEC merupakan satu kejutan yang mencabar maruah bangsa dan negara Malaysia.

"Kenyataan itu bersifat menghasut agar suasana negara terus berada dalam keadaan yang tidak aman dan tidak terkawal, sekali gus menyebabkan proses pemulihan ekonomi tergendala" katanya.

Beliau berkata kenyataan itu mempunyai niat buruk dengan harapan jika kekacauan negara ini berterusan maka Amerika Syarikat akan menawarkan diri mengambil kesempatan mencampuri secara langsung urusan negara ini.

"Maruah bangsa dan negara telah dihina begitu rupa, nilai-nilai budi tidak dihormati dan diperkecilkan oleh seorang pemimpin asing yang disambut dengan sopan santun tetapi diberikan pembalasan yang begitu hina serta aib sekali," katanya.

-- BERNAMA

ROS NMO